

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Mahathir pulang, berterima kasih kepada Jepun

Dari BAKAR ISMAIL

OSAKA, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas pulang setelah berjaya mengeratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Jepun serta menyaksikan secara dekat kehidupan dan etika kerja Jepun.

Bagi Malaysia, *sayonara* yang diucapkan oleh Perdana Menteri apabila meninggalkan lapangan terbang di sini petang ini membawa banyak erti kerana lawatan Perdana Menteri dan rombongannya berjaya menjalin hubungan yang lebih erat.

Dalam perutusannya dari kapal terbang yang membawanya pulang, Datuk Seri Dr Mahathir mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Jepun, khususnya kepada Perdana Menteri, Encik Naoshiro Nakasone, yang memberi layanan baik.

Perdana Menteri mensifatkan lawatannya itu sebagai "satu kejayaan" yang tidak terduga dan memberitahu Encik Nakasone bahawa beliau akan menunggu ketibaannya apabila pemimpin Jepun itu melawat ASEAN Mei ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan beliau berharap tali persahabatan erat yang wujud akan dapat diperkukuhkan apabila Encik Nakasone melawat Malaysia.

Dalam lawatan ini, Jepun bukan sahaja bersetuju memberi pinjaman kredit yen tahunan berjumlah 21 bilion yen tetapi juga kredit yen khas berjumlah 50 bilion yen untuk membiayai projek pembangunan.

Sambutan yang diberi kepada Perdana Menteri dan rombongan ternyata begitu hebat dan terkeluar dari kebiasaan.

Rakyat Jepun juga, baik ke mana-mana Perdana Menteri berkunjung, nampaknya sungguh ghalib hendak melihat wajah Perdana Menteri yang bukan sahaja berjaya meyakinkan rakyat dan Kerajaan Jepun sebagai seorang pemimpin yang gigih dan bekerja keras malah memang benar berhasrat memupuk hubungan lebih mesra.

Tali persahabatan erat yang dijalin oleh Datuk Seri Dr Mahathir dalam lawatan ini mungkin menepati seperti yang disimpulkan oleh Pengerusi Syarikat Mitsubishi, Encik Tomio Kubo malam tadi, yang menyatakan: "Kereta buatan Malaysia yang akan dikeluarkan dalam tahun 1986 kelak akan menjadi simbol persahabatan erat antara Jepun dan Malaysia."